

Headline **Membantu jadi satu fardu kifayah**
Date **09. Apr 2009**
Media Title **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Circulation **60000**
Readership **0**

Language **MALAY**
Page No **S11**
Article Size **274** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **1510.19**



Membantu jadi satu fardu kifayah



● Norlina bersama salah seorang penghuni PERNIM.

KAMARUL HALIM M KAMAL

CHERAS – Sebagai seorang umat Islam lebih berkemampuan sudah mestilah menjadi satu kewajipan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan terutamanya yang terdiri daripada golongan kanak dan juga wanita.

Golongan yang perlu dibantu ini adalah terdiri daripada anak-anak yatim, kanak-kanak yang sakit dan juga ibu-ibu tunggal yang tidak berkemampuan untuk menyara keperluan hidupnya dan anak-anak di bawah jagaannya.

Pengasas juga Yang Dipertua PERNIM, Norlina Alawi berkata, sudah menjadi satu fardu kifayah bagi seseorang Muslim yang si-

hat yang cukup sifat-sifatnya serta berkemampuan untuk membantu mereka yang amat memerlukan.

Menurutnya, tujuan dan matlamat utama PERNIM ini ditubuhkan adalah sebagai pusat perlindungan dan mewujudkan satu keluarga besar kepada anak-anak yatim, anak-anak yang

kematian ibu bapa kerana HIV/AIDS serta anak terbiar dan gadis teraniaya. " M i s i PERNIM ini adalah menubuhkan pusat perlindungan berkonsepkan kekeluargaan yang mementingkan pelajaran, kerohanian dan kasih sayang.

"Kasih sayang, sokongan moral, belajar berdikari dan membina jati diri yang berjaya dengan cemerlang di dunia dan akhirat juga di-

terapkan," katanya.

Sementara itu menyatakan tentang idea penubuhan PERNIM ini adalah atas gerak hatinya sendiri kerana melihat sekarang ini ramai golongan yang kurang bernasib baik terutamanya kanak-kanak terbiar.

Norlina juga menyatakan, sekarang ini pusat terabit mempunyai seramai 75 penghuni yang terdiri daripada anak-anak yatim, anak yatim piatu, anak luar nikah, gadis teraniaya, ibu tunggal, kanak-kanak cacat serta anak kandungnya.

Pusat ini yang berada di kediaman Norlina sendiri juga dihuni oleh 4 pesakit AIDS dan 3 pesakit HIV ditubuhkan pada 17 Mac 2004.

Mengenai kos sara hidup penghuni pusat ini, pada

asalnya beliau dan suami mengeluarkan modal sendiri yang terpaksa menjual barang-barang sendiri demi membantu mengubah nasib penghuni PERNIM ini.

Sementara itu, PERNIM ini turut dibantu oleh beberapa ahli yang memberikan sokongan daripada awal penubuhannya.

Beliau berharap agar seluruh umat Islam berganding bahu bersamasama untuk membantu mereka yang memerlukan dan cukup terharu jika ada individu yang mempunyai cita-cita untuk menolong mereka yang memerlukan.

Berbekalkan ketabahan dan kesabaran beliau pusat dibawah seliaannya ini telah memenangi Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) di Jeddah baru-baru ini.